

20/08/2003

PM ajak bersatu dalam satu suara

Mior Kamarul Shahid

DAMSYIK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap negara Islam mengubah pendirian dengan `bercakap dalam satu suara' untuk menjadikan mereka kuat, bukannya bergantung kepada hanya sebuah negara Islam yang kuat.

Perdana Menteri berkata, jika negara Islam, walaupun miskin dan lemah, bersatu, mereka akan muncul sebagai satu kuasa yang kuat.

Katanya, jika 54 negara Islam bercakap dalam satu suara, mereka boleh mencapai sesuatu matlamat yang besar daripada hanya sebuah negara Islam yang kuat melalak di merata tempat.

Berdialog dengan ahli Parlimen, menteri Kabinet, kumpulan percambahan minda kerajaan Syria, pegawai kanan kerajaan, sarjana dan ketua eksekutif sektor swasta di sini sebelum pulang ke tanah air semalam, Dr Mahathir berkata malangnya, negara Islam kini tidak boleh dan tidak membuat keputusan bersama sebaliknya bercakaran sesama sendiri.

"Kita harus bersama. Jika kita tidak boleh bersama mengenai semua isu, pilih hanya satu isu yang mana kita boleh sepakat. Saya fikir kita boleh bersetuju sekurang-kurangnya mengenai isu kesengsaraan rakyat Palestin atau kita boleh mempunyai pandangan yang satu mengenai isu Iraq.

"Janganlah bercakap soal pelbagai bentuk pentadbiran atau sistem monarki, negara diperintah republikan atau sosialis atau kapitalis. Ia adalah isu yang memecahkan-belahkan Islam.

"Lupakan perkara itu dan beri tumpuan kepada satu perkara yang mana negara-negara Islam boleh bersetuju dan melakukan tindakan bersama. Insyallah, kita akan mencapai sesuatu," katanya.

Mengenai masa depan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selepas beliau berundur nanti, Dr Mahathir menjelaskan pengerusi OIC adalah diberikan kepada negara, bukan individu.

"Selepas saya meletakkan jawatan, pengganti saya akan mengambil alih jawatan pengerusi OIC daripada saya. Beliau (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) mempunyai dedikasi yang sama terhadap dasar yang dirumus berhubung peranan di kalangan negara Islam," katanya.

Menjawab soalan mengenai pengajaran daripada peristiwa 11 September, Dr Mahathir berkata semua pemimpin negara Islam hari ini berada dalam keadaan takut kerana pada bila-bila masa mereka boleh ditangkap dan dihumban ke penjara.

"Pengajaran utama pada saya ialah kita tidak merancang dan tidak mengatur strategi. Kita tidak membuat perkiraan rapi. Bila marah kita akan membunuh diri sendiri, melanggar bangunan, bangunan runtuh.

"Apa yang berlaku berikutnya. Afghanistan dan Iraq diceroboh, semua negara Islam hidup dalam ketakutan," katanya.